

28 MAR 1998

Mahathir - Umno

DR MAHATHIR KATA AMALAN DEMOKRASI UMNO BERKESAN

JELI, 28 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata arahan pucuk pimpinan Umno supaya tidak berlaku sebarang pertandingan jawatan utama peringkat bahagian di Kelantan bertujuan menjaga amalan demokrasi yang diamalkan oleh parti itu.

Katanya amalan demokrasi itu yang telah diterima dan dihormati sebahagian besar anggota Umno kini menunjukkan keberkesannya apabila pemilihan bahagian di Kelantan berjalan lancar dan teratur.

"Jadi cara kita ini cukup demokratik kerana kita larang pertandingan yang tidak mendatangkan sebarang keuntungan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Jeli di sini.

Menurutnya, Umno tidak boleh membenarkan amalan demokrasi seperti yang diamalkan oleh sesetengah kuasa barat kerana ia boleh menjejaskan dan menghancurkan negara.

"Jadi kita lebih utamakan kekukuhan dan keutuhan negara, kalau kita boleh membendung keterlaluan demokrasi, kita akan bendung," katanya.

Ditanya kemungkinan parti pembangkang seperti PAS akan mengambil kesempatan daripada keadaan negatif yang berlaku semasa pemilihan Umno bahagian baru-baru ini, Dr Mahathir berkata pembangkang memang akan mengambil kesempatan bagi memburuk-burukkan umno.

"Tetapi yang kita harus ingat ialah kita yang memberi kesempatan...ini, bila nak lawan berkelahi sampai guna duit, tetapi bila ada yang ambil kesempatan, kita jangan marah sebab kita yang buat," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata kesedaran anggota Umno dalam menjauhi amalan negatif seperti rasuah telah menampakkan kesan positif dan ini baik untuk parti.

Ditanya adakah Umno bersedia untuk bekerjasama dengan PAS, Dr Mahathir berkata: "Kita sedia bekerjasama tetapi jangan pula dia (Pas) suruh kita ikut dia."

Katanya kenyataan itu berdasarkan amalan demokrasi bahawa pihak minoriti perlu mengikut golongan majoriti dan bukan sebaliknya. -- BERNAMA

RAR MAI